



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 50/2020 dari 6 Disember hingga 12 Disember 2020)


Pada minggu ke-50, kes Demam Denggi yang dilaporkan iaitu sebanyak 795 kes adalah jumlah kes mingguan terendah pernah dilaporkan sejak tahun 2014. Kes yang dilaporkan pada minggu ke-50 juga menurun sebanyak 8.9% (78 kes) berbanding 873 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-50. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 88,074 kes berbanding 124,777 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 29.4% (36,703 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 141 kematian berbanding 174 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan sebanyak 19% (33 kematian) **(Lampiran A & C).**

Bagi tempoh sama, sebanyak 20 lokaliti *hotspot* di laporkan iaitu jumlah *hotspot* sama dilaporkan pada minggu sebelumnya. Sebanyak 75.0% (15 lokaliti *hotspot*) dilaporkan di Negeri Selangor, diikuti tiga (3) lokaliti *hotspot* (15.0%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan masing-masing satu (1) lokaliti *hotspot* di Pahang (5.0%) serta di Sabah (5.0%) **(Lampiran B & D).**


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 28 kes pada minggu ke-50 yang mana 10 kes adalah dari Negeri Pulau Pinang, sembilan (9) kes dari Negeri Perak, empat (4) kes dari Negeri Kedah, tiga (3) kes dari Negeri Kelantan dan dua (2) kes dari Negeri Melaka. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,536 **(Lampiran E).** Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,821

sampel darah dan 23 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Musim Monson Timur Laut masih melanda negara dan mengakibatkan kejadian banjir di beberapa kawasan di Malaysia. Bagi masyarakat yang terlibat dengan banjir dan terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara, pastikan segala bekas-bekas yang berada di persekitaran kediaman dibersihkan dan dimusnahkan dalam tempoh seminggu apabila pulang semula ke rumah bagi mengelakkan bekas menjadi tempat pembiakan Aedes. Bagi kawasan yang menakung air sebagai contoh saluran air hujan yang tersumbat atau lantai yang rata sehingga menakung air, perlu dibersihkan atau membubuh bahan pembunuh jentik-jentik. Sebelum masuk ke dalam rumah, lakukan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk Aedes dewasa yang berada di dalam rumah. Masyarakat yang tinggal di kawasan wabak Denggi juga perlu lakukan tindakan pencegahan seperti menggunakan repelan, menggunakan lingkaran penghalau nyamuk atau bahan penghalau nyamuk elektrik. Lindungi diri, keluarga dan masyarakat dari bahaya Demam Denggi yang boleh membawa maut. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
21 Disember 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 49 dan ke- 50 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 50 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-50 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 50/2020
(6 Disember hingga 12 Disember 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 50/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 50/2019	
		Minggu Epid 50 (6 Disember – 12 Disember 2020)		Minggu Epid 49 (29 November – 5 Disember 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	80	0	279	0
2	Kedah	4	0	5	0	761	0	1,550	6
3	P. Pinang	13	0	18	0	1,007	2	4,061	9
4	Perak	17	0	21	0	2,621	3	3,075	4
5	Selangor	366	0	420	0	43,581	37	69,306	55
6	WP KL & Putrajaya	83	0	106	0	10,366	7	14,958	9
7	N. Sembilan	21	0	26	1	2,837	9	2,205	10
8	Melaka	28	0	45	0	2,748	8	2,069	7
9	Johor	149	0	136	0	11,267	42	10,490	28
10	Pahang	32	0	24	0	3,142	8	2,722	8
11	Terengganu	11	0	1	0	392	0	536	3
12	Kelantan	14	0	10	0	3,838	7	5,795	8
13	Sarawak	13	0	13	0	1,488	2	2,495	5
14	Sabah	44	0	47	0	3,939	16	5,200	22
15	WP Labuan	0	0	1	0	7	0	36	0
	MALAYSIA	795	0	873	1	88,074	141	124,777	174

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 50/2020
(6 Disember hingga 12 Disember 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Makmur Saujana Impian	26	90
2	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Kasih Saujana Impian	28	68
3	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 (D,E,F)	15	57
4	SELANGOR	H/Langat	Jln 4/7 & 4/9 C,D,E,F & H,J,K,M,N,P Sek 4 BB Bangi	11	53
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters lpk Selangor)	14	53
6	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	19	48
7	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 9 (Aseana Puteri Kondo) Blok A, B, C	14	47
8	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	12	46
9	SELANGOR	H/Langat	Apt Seri Kamelia Tmn Sepakat Indah	11	43
10	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	18	42
11	SABAH	K/Kinabalu	Kg.Tebobon	21	42
12	PAHANG	Kuantan	Rrm Kg Kolek	22	41
13	WPKL	Titiwangsa	Kampung Bandar Dalam	14	40
14	SELANGOR	Klang	Apartment Bayu Villa	7	38
15	WPKL	Titiwangsa	Medan Idaman (Idaman Sutera Kondo)	13	37
16	SELANGOR	Petaling	Usj 6 (Qts Guru)	21	35
17	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 9	15	34
18	WPKL	L/Pantai	Widuri Impian Condominium	4	33
19	SELANGOR	Petaling	Sek 27 (Teres A - Jln 27/10a - 27/20d)	12	33
20	SELANGOR	H/Langat	Pangsapuri Sri Ria Taman Wawasan	4	33

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 50/2020 (12 Disember 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Kedah	Baling	6	79
		Kota Setar	4	
		Kuala Muda	14	
		Kubang Pasu	3	
		Kulim	45	
		Pendang	2	
		Sik	2	
		Yan	3	
2	P. Pinang	Barat Daya	255	1,159
		Timur Laut	812	
		Seberang Perai Utara	28	
		Seberang Perai Tengah	48	
		Seberang Perai Selatan	16	
3	Perak	Batang Padang	61	1,040
		Hilir Perak	1	
		Hulu Perak	4	
		Kampar	165	
		Kerian	1	
		Kinta	599	
		Kuala Kangsar	77	
		Larut, Matang & Selama	113	
		Manjung	15	
		Muallim	2	
Perak Tengah	2			
4	Selangor	Hulu Langat	11	17
		Klang	3	
		Gombak	1	
		Petaling	2	
5	WPKL & P	Kepong	3	6
		Titivangsa	1	
		Cheras	2	
6	Johor	Muar	22	26
		Johor Bahru	3	
		Segamat	1	
7	Pahang	Bera	1	2
		Cameron Highland	1	
8	Kelantan	Bachok	5	160
		Kota Bharu	111	
		Kuala Krai	3	
		Machang	4	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	30	

		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	2	
9	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
10	Perlis	Kangar	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	41	45
		Jasin	2	
		Alor Gajah	2	
JUMLAH			2,536	